

Newspaper	Berita Harian
Date	13 November 2015

'Dr M usah bercakap soal kepercayaan'

» **Bekas PM hilangkan jumlah lebih besar daripada apa yang didakwa di dalam isu 1MDB**

S: Apa yang dibincangkan dalam mesyuarat pertama antara G25 dan Tun Dr Mahathir Mohamad di Yayasan Albu-khary?

J: Mesyuarat itu diadakan antara Mac dan April. Kami mahu bercakap dengannya mengenai Islam dan Perlembagaan tetapi Dr Mahathir terus bercakap mengenai 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Jadi saya beritahu kepadanya, kami datang bukan untuk bercakap tentang 1MDB. Kami datang untuk bercakap mengenai cubaan PAS memasukkan rang undang-undang berkaitan hudud ke Parlimen.

Dr Mahathir kemudiannya bercakap mengenai Islam buat seketika sebelum kembali bercakap mengenai 1MDB dan (Datuk Seri) Najib (Razak), yang antara lain beliau sifatkan sebagai 'pencuri'.

Dr Mahathir kata dia mahu menggantikan Najib dengan calon lain dan mahu memastikannya berlaku. Kemudian Dr Mahathir kata pemilihan calon itu akan dinasihatkan oleh 'majlis golongan berpengalaman' (Council of Elders). Saya kata ianya tidak demokratik kerana kita memilih Perdana Menteri dan kita tiada "Council of Elders" dalam Perlembagaan. Kemudian Dr Mahathir bercakap balik mengenai denda 1MDB yang didakwanya hilang.

Bagaimanapun, saya beritahu kepadanya jika kita lihat balik nilai jumlah yang Dr Mahathir hilang sewaktu beliau menjadi Perdana Menteri, saya pasti jumlah itu lebih besar daripada apa yang didakwanya hilang dalam 1MDB. Dr Mahathir hanya diam selepas saya cakap perkara itu. Dr Mahathir cuba meyakinkan kami bahawa beliau betul. Mesyuarat itu dipenuhi dengan-obsesinya untuk mengetepikan Najib.

S: Jelas mesyuarat pertama itu tidak berakhir seperti mana yang Dr Mahathir mahukan. Apa yang berlaku ketika mesyuarat kedua di Yayasan Kepimpinan Perdana?

J: Kami jumpa pada hari beliau mengadakan sidang akhbar dengan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan (Tan Sri) Sanusi (Junid). Beliau hanya minta empat daripada G25 untuk hadir dan saya antara dijemput. Dr Mahathir menengahkan betapa sukar untuk mengetepikan Najib kerana beliau mempunyai segala kuasa untuk digunakan selaku Perdana Men-

Ahli G25, Tawfik Ismail mendedahkan butiran perkara yang dibincangkan kumpulan itu dengan Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. G25 adalah kumpulan 25 tokoh Melayu profesional. Dalam temubual dengan wartawan NSTP, SYED UMAR ARIFF, Tawfik memberitahu bagaimana Dr Mahathir menggunakan segala kuasa yang masih ada padanya dan bagaimana beliau mengkhianati kepercayaan orang Melayu serta mendedahkan bagaimana Muhyiddin percaya beliau boleh menjadi Perdana Menteri seterusnya.



Kelihatannya banyak perkara yang kita terpaksa tanggung hari ini kerana Dr Mahathir membenarkan ketidaktelusan,

teri. Dr Mahathir kemudian bertanya adakah G25 mahu bercakap dengan kumpulan Cina yang lain mengenai masalah membabitkan ekonomi dan perniagaan. Saya membalas kita tidak sepatutnya mengambil pandangan kaum dalam isu ini sebaliknya, kaum lain di negara ini tidak akan diwakili. Kaum India tidak akan mempunyai sesiapa untuk mewakili mereka begitu juga Dayak, Iban dan Serani. Kenapa perlu G25 selaku kumpulan Melayu hanya bekerjasama dengan kumpulan Cina? Kita sepatutnya bawa semua pihak bersama.

Jadi saya cadangkan kepadanya supaya mengikut idea (Datuk Seri) Nazir Razak untuk menubuhkan Majlis Perundingan Nasional. Dr Mahathir tidak membuat sebarang komen lanjut berhubung perkara itu. Mesyuarat itu dihentikan lebih awal kerana beliau tidak sihat dan mengalami batuk yang teruk.

S: Apa pandangan anda terhadap Dr Mahathir selepas kedua-dua mesyuarat itu?

J: Secara peribadi, saya fikir mungkin Dr Mahathir adalah individu yang mahu semua perkara berlaku seperti mana kemahu-

annya. Beliau kini rakus menggunakan segala kuasa yang masih ada padanya.

Sebilangan legasi beliau tidak diteruskan Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi) dan Najib. Dia selalu sebut mengenai Jabatan Bengkok (untuk menggantikan Tambak Johor). Itu antara topik kegemarannya.

S: Bagaimana mengenai Tan Sri Muhyiddin Yassin? Adakah beliau meminta sokongan yang sama dari G25?

J: Muhyiddin jumpa lapan orang daripada kami, enam hari selepas mesyuarat kedua (dengan Dr Mahathir) di kediamannya. Beliau tanya jika kami dapat membentuk sesuatu seperti kuasa ketiga (dalam politik negara) dengan seorang personaliti dari Malaysia Timur dalam fikirannya. Beliau mahu melihat bagaimana boleh memainkan peranan dalam struktur itu.

S: Adakah Muhyiddin bekerjasama dengan Dr Mahathir untuk menentang Najib?

J: Ia amat jelas apabila beliau hadir dalam sidang akhbar Dr Mahathir mengenai (Datuk Seri) Khairuddin (Abu Hassan) dan

Matthias Chang. Kami beritahu Muhyiddin yang beliau dan Dr Mahathir juga mempunyai banyak rahsia buruk.

Beliau agak terkejut dengan maklum balas kami. Sebelum itu, Muhyiddin berkata beliau sepatutnya mengambil alih kedudukan Najib (selaku Perdana Menteri dan Presiden UMNO) kerana kedudukannya selaku Timbalan Presiden UMNO.

Saya mengingatkan Muhyiddin bahawa terlalu banyak yang beliau dan Dr Mahathir lakukan, yang orang ramai tidak lupa. Saya beritahu masalah sekarang ialah banyak pihak yang tidak berterus terang dengan umum.

Jika beliau memainkan peranan dalam perkara ini, ke mana ia akan bawa negara ini? Saya kata orang Melayu akan keliru dan tidak tahu pihak mana yang berkata benar. Ia akan menjadi urusan yang menimbulkan kemarahan.

S: Anda ada menyebut tadi bahawa Muhyiddin juga mempunyai rahsia buruk?

J: Ada banyak contoh mengenai beberapa perkara yang menjadi spekulasi orang ramai. Misalnya mengenai ketidakpuasan orang

Johor mengenai pengambilan tanah sebelum Iskandar Malaysia di mana kerajaan memperoleh tanah di Gelang Patah untuk pihak pemaju. Terdapat banyak isu mengenai plot bagaimana tanah itu diperoleh.

Semua isu dikaitkan dengan Muhyiddin. Secara politiknya, ketika Muhyiddin menjadi Menteri Besar Johor dan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri, banyak pemimpin dan ahli akar umbi merasakan beliau tidak membawa kepentingan negeri ke peringkat pusat. Pada masa yang sama, semasa krisis UMNO 1987 (yang menyebabkan parti diisytiharkan haram oleh mahkamah), banyak pemimpin negeri telah diketepikan.

S: Dr Mahathir dilaporkan berkata anda datang ke mesyuarat dengan 'niat buruk' dan ada laporan mengatakan anda mengkhianati kepercayaan?

J: Saya kira bila kita bercakap mengenai kepercayaan, saya fikir Dr Mahathir telah mengkhianati kepercayaan Melayu ketika UMNO diisytiharkan haram. Beliau membenarkan parti diisytiharkan haram. Ia hanya alasan untuk menyusun semula UMNO supaya beliau boleh mengeluarkan dan memasukkan (personaliti tertentu).

Saya fikir itu adalah gambaran pengkhianatan yang besar. Beliau juga memusnahkan sistem kehakiman (Krisis Perlembagaan Malaysia) dan itu satu pengkhianatan. Sekarang, sistem kehakiman tidak boleh bertindak secepat mana sebelum episod Tun Salleh Abas (bekas Ketua Hakim Negara).

S: Adakah ia kelihatan seperti Dr Mahathir mendapat sokongan yang diperlukannya?

J: Kelihatannya banyak perkara yang kita terpaksa tanggung hari ini kerana Dr Mahathir membenarkan ketidaktelusan. Misalnya dalam kenaikan tol. Itu salah siapa? Siapa yang buat perjanjian awal antara kerajaan dengan pihak antera?

Kenapa arwah Tan Sri Ani Arope meletakkan jawatannya dari LLN (kini Tenaga Nasional Bhd)? Kerana penswastan loji-loji jankuasa.

Apabila Tun Musa Hitam mempunyai masalah dengan Dr Mahathir berhubung kedudukannya selaku Timbalan Presiden, Musa menghantar surat sulit kepada Dr Mahathir, yang kemudiannya membuat keputusan mendedharkannya dalam mesyuarat Majlis Tertinggi.

Jadi, saya fikir beliau tidak sepatutnya bercakap mengenai kepercayaan. Jika diukur keupayaannya untuk berbuat baik dan memegang kepercayaan ramai, saya fikir beliau gagal dalam banyak perkara.

BH-13/11/2015